

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2000/2001

September 2000

SBW213 - Isu-Isu Perbandaran

Masa: [3 jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **TIGA** (3) soalan sahaja. Soalan No. 1 adalah wajib.

1. Apakah sistem perwakilan kerajaan tempatan yang wujud di Malaysia sekarang? Bandingkan kelebihan dan kekurangan sistem ini dengan sistem yang telah wujud di Malaysia sebelum tahun 1969.

(40%)

2. Berikan satu takrifan perancangan. Nyatakan pelakun-pelakun penting dalam proses perancangan bandar dari perspektif ekonomi-politik. Terangkan hubungan di antara lebihan yang dikawal oleh kerajaan dan ketidaksamaan di bandar-bandar.

(30%)

3. Lakarkan satu bandar yang mempunyai ciri-ciri bandar yang mampan. Jelaskan ciri-ciri ini dengan memberi penekanan kepada isu-isu perumahan dan pengangkutan. (Gunakan kertas yang disediakan dan kepilkan lakaran bersama dengan buku jawapan.)

(30%)

4. Apakah pelan struktur? Jelaskan bagaimana orang awam dapat melibatkan diri dalam kerangka pelan struktur yang wujud sekarang. Bagaimanakah pihak majlis-majlis perbandaran menangani bantahan-bantahan awam?

(30%)

5. Jelaskan sistem pertanian berlandaskan komuniti (community supported agriculture - CSA). Apakah latar-belakang yang telah mencetuskan pergerakan CSA? Bincangkan faedah-faedah sistem bekalan makanan seperti ini terutama sekali bagi penghuni-penghuni bandar dan komuniti petani.
(30%)

6. Terangkan pendekatan-pendekatan yang wujud mengenai peranan perancangan-perancang bandar di negara-negara pinggir. Beri pendapat anda tentang pendekatan yang paling mirip dengan pengalaman perancangan bandar di Malaysia dengan bukti-bukti sebagai sokongan.
(30%)